

BAHASA MELAYU

KATA TUGAS

Kata tugas ialah satu kelompok perkataan yang kehadirannya dalam ayat penting kerana tugas-tugas sintaksis. Kata tugas hadir dalam ayat sama ada di bahagian hadapan ayat, di bahagian hadapan frasa, atau di belakang perkataan-perkataan tertentu untuk memberikan makna khusus atau memainkan peranan sintaksis tertentu dalam ayat berkenaan.

Jenis-jenis kata tugas

a. Kata Hubung

Kata hubung ialah kata penyambung ayat, iaitu sejumlah perkataan yang bertugas menghubungkan dua binaan ayat atau lebih sehingga menjadi satu bentuk ayat yang berlapis.

Contoh:

- i. Ali, Ahmad dan Halim pergi ke sekolah.
- ii. Aslinda menari sambil menyanyi.
- iii. Dia pandai tetapi adiknya bodoh.
- iv. Tidak boleh ada ahli yang memegang dua atau lebih.
- v. Kalimat itu menunjukkan bahawa dia sememangnya mehu memberitahu.

b) Kata Seru

Kata seru ialah kata yang digunakan untuk menggambarkan perasaan seseorang seperti marah, sedih, gembira, sakit, hairan, kagum, terkejut, dan sebagainya. Cara penggunaannya disesuaikan dengan intonasi pengucapan iaitu dengan nada meninggi atau menurun.

Contoh:

- i) Aduh, sakitnya tanganku!
- ii) Aduhai, apalah malang nasibku ini!
- iii) Ah, aku tidak bersetuju!
- iv) Amboi, sombongnya dia!
- v) Eh, bilakah kau pulang ke tanah air!

KATA TUGAS

NOTA CIKGU HASNI

c) Kata Tanya

Kata tanya ialah perkataan yang digunakan untuk menanyakan sesuatu atau menyayalkan sesuatu, contohnya mengapa, berapa, bila dan bagaimana.

Contoh:

- | | |
|-----------|---|
| Berapa | - Harga barang itu berapa? |
| | - Berapa tahunkah dia belajar di luar negeri? |
| Bila | - Mereka sampai bila? |
| | - Bilakah gerangan kekanda akan pulang? |
| Bagaimana | - Kesihatannya sekarang bagaimana? |
| | - Bagaimanakah keputusan peperiksaannya? |

d) Kata Perintah

Kata perintah ialah perkataan yang bertujuan menimbulkan sesuatu tindak balas terhadap perintah, arahan, larangan, silaan atau permintaan.

Contoh:

- i) Jangan buang sampah di sini.
- ii) Usah biarkan dia berseorangan.
- iii) Silalah datang ke rumah saya jika ada kelapangan.
- iv) Jemput masuk!
- v) Minta tuan-tuan bersabar sebentar.

e) Kata Pangkal Ayat

Kata pangkal ayat ialah perkataan yang hadir di bahagian hadapan ayat yang menjadi penanda kesinambungan ayat dalam wacana. Namun, kata pangkal ayat ini tidak begitu banyak diamalkan sekarang. Perkataan ini umumnya digunakan dalam bahasa Melayu klasik, misalnya hatta, maka, arakian, syahadan, dan sebagainya.

Contoh:

- i) Hatta istana itu pun siaplah.
- ii) Maka panglima itu pun diberi persalinan.
- iii) Syahadan baginda pun berangkat meninggalkan Melaka.
- iv) Adapun kuda itu dipunyai oleh Tun Umar.
- v) Alkisah tidak beberapa lama kemudian hamillah permaisuri.

BAHASA MELAYU

f) Kata Bantu

Kata bantu ialah sejenis perkataan yang bertugas membantu frasa kerja, frasa adjektif, dan frasa sendi nama iaitu dengan menimbulkan makan-makna tambahan dari aspek waktu atau ragam.

Contoh:

- i)Pekerja itu telah pulang.
- ii)Kami pernah ke utara Malaysia.
- iii)Kanak-kanak itu sudah makan.
- iv)Kanak-kanak itu hendak masuk ke bilik.
- v)Ramai pemuda kini mahu bekerja sendiri.

g) Kata Penguat

Kata penguat ialah perkataan yang mendahului atau mengikuti kata adjektif dan berfungsi menguatkan maksud yang terkandung dalam kata adjektif.

Contoh:

- i)Pokok itu terlalu tinggi.
- ii)Masakan itu paling sedap.
- iii)Kelakuan anak itu baik sekali.
- iv)Bas itu tiba lambat benar.
- v)Pakaian seragam pasukan itu amat kemas.

h) Kata Penegas

Kata penegas yang disebut juga partikel atau kata penyerta ialah sejumlah perkataan yang memberikan penekanan pada bahagian-bahagian tertentu dalam ayat.

Contoh:

- i)Di manakah ibu kamu itu?
- ii)Bilakah kamu datang?
- iii)Apatah daya kita?
- iv)Dialah orang nya.
- v>Inilah isteri kesayanganku.

KATA TUGAS

NOTA CIKGU HASNI

i) Kata Nafi

Kata nafi ialah perkataan yang menjadi unsur nafi frasa-frasa predikat, iaitu Frasa Nama, Frasa Kerja, Frasa Adjektif dan Frasa Sendi Nama.

Contoh:

- i)Dia bukan murid di sekolah ini.
- ii)Idah tidak pandai memasak kari ayam.
- iii)Jangan membuang sampah-sarap di merata-rata tempat.
- iv)Lelaki yang berbaju merah itu bukan ayah saya.

j) Kata Pemeri.

Kata pemeri ialah unsur yang menjadi pemeri hal atau perangkai antara subjek dengan frasa-frasa utama dalam predikat. Terdapat dua jenis kata pemeri iaitu iaalah dan adalah.

Contoh:

- i)Dia ialah seorang guru.
- ii)Berita itu adalah palsu.
- iii)Mereka ialah pelari pecut.
- iv)Pendapat itu adalah karut.
- v>Nama saya ialah Abu.

k) Kata Sendi Nama

Kata Sendi adalah kata yang digunakan untuk menyambung frasa nama dengan kata atau frasa-frasa dalam ayat. Kata sendi memerlukan frasa nama yang membentuk predikat ayat.

Contoh:

- i)Dia berasal dari pedalaman.
- ii>Ibu pergi ke pasar.
- iii>Saya menetap di Ipoh.
- iv>Kertas ini diperbuat daripada kayu.
- v>Dia balik pada pukul 5.00 petang.

BAHASA MELAYU

I) Kata Pemberian

Kata pemberian ialah kata yang mengesahkan sesuatu pertanyaan. Contoh kata pemberian ialah ya, benar, dan betul.

Contoh:

- i) Ya, esok awak boleh bercuti.
- ii) Ya, kamilah yang membuka pintu rahsia itu.
- iii) Benar, tekaan kamu itu memang tepat.
- iv) Benar, dia sudah berhenti kerja.
- v) Betul, kalau kamu tidak percaya, tanyalah Dani.

KATA TUGAS

NOTA CIKGU HASNI

o) Kata Adverba

Kata adverba ialah perkataan yang menerangkan kata kerja, kata adjektif, kata nama, dan frasa sendi nama dari segi cara, masa, dan tempat.

Contoh:

- i) Bas itu bergerak laju.
- ii) Saya hampir terjatuh ketika melompat.
- iii) Datang ke sini cepat.
- iv) Ibu betul-betul gembira dengan kepulangan kakak.
- v) Mereka sesat berhari-hari di tengah lautan.

m) Kata Arah

Kata arah ialah sejumlah perkataan yang hadir sebelum frasa nama dan lazimnya sesudah kata sendi nama untuk menunjukkan hala atau arah sesuatu.

Contoh:

- i) Bunga hiasan itu itu sesuai ditempatkan di penjuru rumah.
- ii) Pertunjukkan tarian itu jelas dari sudut kiri stadium.
- iii) Kanak-kanak itu ditinggalkan di tepi jalan.
- iv) Pelumba basikal itu bertolak dari utar ke selatan.
- v) Semua hidangan itu diletakkan di atas meja.

n) Kata Bilangan

Kata bilangan ialah perkataan yang menerangkan bilangan atau jumlah orang, benda, atau perkara.

Contoh:

- i) Saya menanam dua batang pokok kelapa di kebun.
- ii) Para penulis dikehendaki beratur di dewan.
- iii) Di pasar malam terdapat berbagai-bagai jenis sayuran dijual.
- iv) Dia menunggu bas selama lima jam suku.
- v) Harga ikan sardin ialah tujuh ringgit sekilo.

p) Kata Penekan

Kata penekan merupakan salah satu daripada kata pascakata iaitu kata yang hadir dan melekat selepas perkataan. Bentuk kata tersebut ialah -nya, yang dapat berfungsi sebagai penekan atau pembenda.

Contoh:

- i) Sesungguhnya, pengorbanan perlu jika ingin berjaya.
- ii) Bahawasanya setiap rakyat perlu mempertahankan negaranya.
- iii) Cuaca nampaknya semakin gelap.

q) Kata Pembenda

Kata pembenda ialah bentuk kata yang menjadikan sesuatu perkataan yang bukan daripada kata nama sebagai kata nama. Misalnya perliahannya, sedapnya, sejuknya.

Contoh:

- i) Lajunya ialah 350 km sejam.
- ii) Bukan kepalang sakitnya.
- iii) Datangnya secara mendadak.
- iv) Air sungai mengalir dengan derasnya.

- Kata nama am ialah perkataan yang merujuk benda, perkara, atau konsep yang umum sifatnya.
- Kata nama khas ialah bentuk kata yang merujuk khusus orang, empat, atau benda.
- Kata ganti nama ialah kata yang menggantikan nama dan berfungsi seperti nama.
- Kata kerja ialah kata yang digunakan untuk menyatakan sesuatu perbuatan.
- Kata adjektif, yang juga dikenal sebagai kata sifat, ialah perkataan yang menjadi unsur inti dalam binaan frasa adjektif.
- Kata tugas ialah satu kelompok perkataan kehadirannya dalam ayat penting kerana tugas-tugas sintaksis.
- Kata hubung ialah kata penyambung ayat, iaitu sejumlah perkataan yang bertugas menghubungkan dua binaan ayat atau lebih sehingga menjadi satu bentuk ayat yang berlapis.
- Kata seru ialah kata yang digunakan untuk menggambarkan perasaan seseorang seperti marah, sedih, gembira, sakit, hairan, kagum, terkejut, dan sebagainya.
- Kata tanya ialah perkataan yang digunakan untuk menanyakan sesuatu atau menyoalkan sesuatu.
- Kata perintah ialah perkataan yang bertujuan menimbulkan sesuatu tindak balas terhadap perintah, arahan, larangan, silaan atau permintaan.
- Kata pangkal ayat ialah perkataan yang hadir di bahagian hadapan ayat yang menjadi penanda kesinambungan ayat dalam wacana.
- Kata bantu ialah jenis perkataan yang bertugas membantu frasa kerja, frasa adjektif, dan berasa sendi nama iaitu dengan menimbulkan makna-makna tambahan dari aspek waktu atau ragam.